

Iltizam semua pihak jayakan Malaysia MADANI



Ahli Dewan
Undangan Negeri
(ADUN) Bukit
Selambau

Oleh Summugam Rengasamy
bhrencana@bh.com.my

Gagasan baharu, Malaysia MADANI diperkenalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah bertujuan memandu seluruh jentera kerajaan dan rakyat untuk membangunkan negara serta peradaban.

Malangnya, ada memandang sinis dengan memperolok-olokkan kependekan MADANI sedangkan ia terjemahan kependekan dalam bahasa Inggeris, SCRIPT, iaitu *Sustainability, Care and Compassion, Respect, Innovation, Prosperity, Trust* atau menolaknya sebagai slogan kosong tanpa

isi dimunculkan tiba-tiba sebagai jenama pelaris sementara waktu.

Pandangan itu tidak benar. Berbanding konsep dibawa sesetengah Perdana Menteri terdahulu yang tidak mempunyai akar umbi dan injap kuat serta hanya diperkenal selepas menjawat jawatan itu, Malaysia MADANI sudah lama dibawa Anwar dan dibincangkan lumat.

Pada 26 September 1995, Anwar ketika itu Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Ke-

wangan, mempopularkan istilah Masyarakat Madani dalam syarahan Islam dan Pembentukan Masyarakat Madani di Festival Istiqlal, Jakarta, di hadapan pemimpin masyarakat Indonesia.

Lebih menonjolkan iltizam itu ialah Konvensyen Masyarakat Madani pada 19 hingga 21 September 1996 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menyaksikan cendekiawan tersohor seperti Tan Sri Prof Dr Syed Muhammad Naquib al-Attas, Prof Dr Siddiq Fadhil, Prof Dr Osman Bakar dan Prof Dr Mohammad Kamal Hassan membentangkan kertas kerja.

Selepas 2 September 1998, gagasan Malaysia Madani dikumandangkan melalui Deklarasi Permatang Pauh pada 12 September 1998 yang melancarkan gerakan reformasi dan menyenaraikan tujuh agenda reformasi.

Manifesto PKR dalam Pilihan Raya Umum (PRU) pada 2008, Harapan Baru Untuk Malaysia umpamanya mengangkat tema 'Negara Madani Untuk Semua - Mempertahankan Perpaduan, Hak Asasi dan Integriti' sebagai antara lima teras utama perlu dilaksanakan.

Seperti dijelaskan Perdana Menteri dalam buku *Membangunkan Negara MADANI: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi* dan *SCRIPT For a Better Ma-*

aysia, kerangka MADANI menjadi kemuncak pengalaman empat dekad dalam perkhidmatan awam dan belasan tahun dihabiskan bagi memikirkan negara ini dan masa hadapannya.

Dirancang dengan teliti

Gagasan terzahir itu adalah hasil tungkus lumus bersama lebih setahun antara Perdana Menteri dengan pemikir, perancang strategi, pakar ekonomi dan pakar undang-undang, sarjana sains politik serta pemikir masa hadapan melalui siri bengkel dan pemukiman susulan Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14).

Ini sudah dirancang dengan teliti. Seperti diumumkan, ia akan didukung empat dasar semasa, yakni Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), bajet tahunan, Pelan Baharu Antirasuah serta Matlamat Pembangunan Mampan.

Terbukti gagasan ini lahir sejak awal gerakan reformasi tercetus. Perdana Menteri konsisten dan berkomitmen tinggi merealisasikannya.

Ini tidak pernah dilupakan dan sekarang adalah masa pelaksanaan, sekali gus memerlukan semua aktivis, pendukung, penyokong dan perintis gerakan reformasi mesti beriltizam menjayakannya.